

KERTAS KERJA ASAS KEUSAHAWANAN

**RANCANGAN PERNIAGAAN
(ETR 300)**

**PERUSAHAAN PETI SEJUK 2 DALAM 1
“HOTFREEZE”**

DISEDIAKAN UNTUK:

ENCIK NOORDIN BIN ALI

PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN

UiTM CAWANGAN PERLIS

DISEDIAKAN OLEH:

EMMY SURIANI MOKHTAR (97307094)

FAZILAH MOHAMED (97307135)

FAZITA HANI MUHAMMAD FADZIL (97130508)

NOR AZLINA JAMALUDIN (97307359)

NURAZILAH MUHAMAD SAAD (97417906)

Isi Kandungan

<u>Bil.</u>	<u>Tajuk</u>	<u>Mukasurat</u>
1.	Muqadimah	1
2.	Pendahuluan	3
3.	Surat Penyerahan	6
4.	Logo	8
5.	Penerangan Logo	9
6.	Pengenalan	14
7.	Tujuan Rancangan Perniagaan	16
8.	Surat Penyerahan Perkongsian	17
9.	Latar Belakang Perniagaan	23
10.	Rancangan Pentadbiran	28
11.	Rancangan Pemasaran	55
12.	Rancangan Operasi	78
13.	Rancangan Kewangan	109
14.	Kesimpulan	133
15.	Lampiran	134

MUQADDIMAH

Bersyukur kita ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah kami para pelajar kajian Pengurusan Bank Bahagian UiTM Cawangan Perlis menyempurnakan Rancangan Perniagaan yang merupakan satu tugas daripada matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

Sebagaimana yang telah sedia maklum matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300) adalah satu matapelajaran yang berkaitan dengan asas-asas untuk menjadi usahawan dan perkara-perkara yang berkaitan dengan dunia perniagaan di samping mendedahkan dengan selok- belok dunia perniagaan.

Kandungan Rancangan Perniagaan ini termasuklah latar belakang syarikat yang bakal ditubuhkan , rancangan pentadbiran, rancangan pemasaran , rancangan operasi dan rancangan kewangan. Dengan adanya Rancangan Perniagaan ini akan dapat mendedahkan kami cara bagaimana untuk menubuhkan dan menguruskan sebuah perniagaan.

Dengan ini kami telah mengambil keputusan untuk membuka sebuah syarikat perkongsian iaitu Kilang Perusahaan Peti Sejuk 2 dalam 1 “HotFreez”. Kami juga telah bersetuju memilih nama GALAXIE SDN. BHD. yang terletak di No.1,Kawasan Industri MARA Jejawi,02600 Arau Perlis. Selain daripada itu dengan adanya mata pelajaran ini maka ia dapat membentuk dan menjalinkan kerjasama yang erat serta persefahaman di antara kami, kami juga dapat mengetahui dan memahami tentang asas-asas atau selok belok untuk menjadi seorang usahawan.

Alhamdulillah bersyukur kepada Allah S.W.T kerana telah mengizinkan kami menyiapkan Rancangan Perniagaan ini dengan berkat dan kesabaran kami. Akhir sekali kami ucapkan ribuan terima kasih kepada sesiapa yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung.

Wassalam.

PENDAHULUAN

Syukur Alhamdulillah dengan berkat limpah kurnia dan hidayatNya maka kami dapat menyempurnakan Rancangan Perniagaan Syarikat kami untuk tujuan matapelajaran Asas Keusahawanan (ETR 300).

Bak kata pepatah, ‘genggam bara api biar menjadi arang’ begitulah dengan kumpulan kami dalam mencari dan menyempurnakan rangka rancangan ini. Dengan usaha yang gigih, kerjasama setiap ahli kumpulan serta diiringi kerajinan yang bersungguh-sungguh dalam setiap perkara maka tersempurnalah Rancangan Perniagaan ini.

Walaupun banyak rintangan yang telah kami tempuhi tetapi semua itu merupakan asam garam dalam bidang keusahawanan ini dan kami percaya setiap masalah yang ditempuhi pasti ada penyelesaiannya. Kami juga percaya kejayaan pasti menjelma setelah melewati segala halangan ini. Inshaallah.

Dalam menyahut cabaran dalam masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera, kami berbangga kerana dapat menyumbang kearah itu dengan wujudnya peusahaan peti sejuk 2 dalam 1 “HotFreeze”. Dengan harapan GALAXIE SDN. BHD. ini akan mencapai kejayaan yang cukup cemerlang.

Kami berharap usaha kami ini tidak sia-sia walaupun negara kita sedang mengalami proses pemulihan ekonomi. Kami berlima akan bersatu hati dan menyimpan iltizam yang tinggi dalam memajukan perniagaan kami ini. Iltizam ini telah memberi kami semangat untuk terus berusaha dan insyaAllah hasil keluaran kami akan mendapat